

# PANTAZ TABLETS

Pantoprazole Sodium (40 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pantaz
2. Bagaimana Pantaz berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pantaz
4. Cara menggunakan Pantaz
5. Semasa menggunakan Pantaz
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pantaz
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Pantaz

Pantaz digunakan untuk rawatan:

- Jangkitan bakteria *Helicobacter pylori* dalam orang yang mempunyai ulser duodenum dan ulser perut, ia diguna dalam kombinasi dengan dua antibiotik (terapi penghapusan). Tujuannya adalah untuk menghapuskan bakteria dan mengurangkan kemungkinan ulser kembali
- Ulser perut dan duodenum
- Esofagitis refluks yang sederhana atau serius (radang esofagus disertai dengan regurgitasi asid perut).

## Bagaimana Pantaz berfungsi

Pantaz merupakan ubat jenis "perencat proton pam" (*proton pump inhibitor*) selektif, ia adalah ubat yang mengurangkan penghasilan jumlah asid dalam perut anda. Ia digunakan untuk merawat penyakit perut dan usus yang berkaitan dengan asid.

## Sebelum menggunakan Pantaz

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Pantaz jika:

- Anda alah kepada pantoprazole atau mana-mana bahan lain (yang disenaraikan di bahagian bahan-bahan kandungan di bawah)
- Anda sedang mengambil ubat yang mengandungi atazanavir (untuk rawatan jangkitan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV))
- Anda mempunyai masalah gastrousus ringan seperti masalah pencernaan yang disebabkan oleh tekanan emosi.

### - Sebelum menggunakan Pantaz

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai mana-mana yang berikut:

- Anda mengalami masalah hati yang teruk
- Anda mengalami masalah buah pinggang

Sebelum rawatan, kanser ulser gastrik atau esofagus harus dikenalpasti kerana rawatan dengan penggunaan Pantoprazole mungkin akan menyembunyikan simptom kanser dan melambatkan proses diagnosis penyakit.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi.

Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- Ketoconazole (untuk rawatan jangkitan kulat)
- Atazanavir (untuk rawatan jangkitan HIV)

## Cara menggunakan Pantaz

### - Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa ambil Pantaz sama seperti doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu semak dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Tablet tidak boleh dikunyah atau dihancurkan. Telan seluruh tablet dengan sedikit air.

### Dewasa :

Dos biasa diambil adalah satu tablet Pantaz sehari.

### Rawatan *Erosive Esophagitis*

Dos oral ubat untuk orang dewasa yang disyorkan adalah satu tablet, diberikan sekali sehari. Dalam kes individu, dos mungkin meningkat dua kali ganda terutamanya jika tidak berkesan setelah mengambil ubat lain.

Dos perlu dikurangkan kepada 1 tablet setiap dua hari bagi orang yang mengalami masalah hati yang teruk. Enzim hati perlu dipantau dan jika peningkatan enzim hati berlaku, rawatan perlu dihentikan.

Dos pantoprazole tidak boleh melebihi 40mg bagi orang tua atau orang yang mengalami masalah buah pinggang.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Mengambil Pantaz semasa atau sebelum sarapan pagi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Tempoh rawatan untuk ulser perut biasanya antara 4-6 minggu. Tempoh rawatan untuk ulser duodenum biasanya 2-4 minggu.

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa untuk menggunakan.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga masa untuk mengambilnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan mengambil dos yang berganda untuk dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

# TABLET PANTAZ

Pantoprazole sodium tablets (40 mg)

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Pantaz

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pantaz

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali disuruh oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Pantaz kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

#### *Mengandung dan menyusukan anak*

Tiada data yang mencukupi untuk kegunaan pantaz di kalangan wanita hamil. Jika anda hamil, atau fikir anda mungkin hamil, atau jika anda sedang menyusukan anak, anda perlu menggunakan ubat ini hanya jika doktor anda menganggap manfaat bagi anda lebih daripada potensi risiko untuk bayi dalam kandungan. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

#### *Memandu dan mengendalikan mesin*

Jika anda mengalami kesan sampingan seperti pening atau penglihatan terganggu, anda tidak patut memandu atau mengendalikan jentera.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, Pantaz boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang

mendapatkannya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom boleh memudaratakan.

- Sakit kepala
- Cirit-birit
- Rasa mual
- Sakit pada bahagian atas perut
- Kembung perut
- Ruam kulit
- Rasa gatal
- Rasa pening
- Bengkak
- Demam
- Kemurungan
- Penglihatan terjejas

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems/ Sides Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Pantaz

### Penyimpanan

Simpan ubat ini dan jauhi daripada kanak-kanak  
Simpan di tempat yang kering pada suhu tidak melebihi 25 °C  
Lindungi daripada cahaya

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Berwarna kuning cair, bulat, dwicembung, tablet bersalut enterik yang mempunyai permukaan kosong pada kedua-dua bahagian.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Pantoprazole Sodium (40 mg)

- Bahan tidak aktif  
Yellow Iron Oxide, Polyethylene Glycol 6000, Hydroxy Propyl Methyl Cellulose, Dibutyl phthalate, crospovidone, Titanium Dioxide, Sodium Carbonate Anhydrous, Methocel, Calcium Stearate, Talcum, Eudragit L 100, mannitol, Methylene Chloride, Acetone, Isopropyl Alcohol dan air suling.

### - MAL number(s):

MAL08061577AZ

## Pengilang

Medley Pharmaceuticals Limited  
18&19, Zari Causeway Rd., Kachigam,  
Daman, India  
Regd. Office: Medley House, D2, MIDC  
Area  
Andheri (East), Mumbai-400 093, India

## Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd  
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,  
Bandar Sri Damansara,  
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

12/10/2017

## Nombor Siri:

NPRA(R4/1)091017/00267